

Disertai 200 peserta dari 18 negara yang bermula semalam

UMS tuan rumah ISSRM Ke-17

Um 15/6/2011 30

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**
utusanabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 14 Jun - Kira-kira 200 peserta dari 18 buah negara menyertai Simposium Antarabangsa mengenai Masyarakat dan Sumber Alam (ISSRM) Ke-17 selama empat hari bermula hari ini.

Program anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu menjadi medan perkongsian maklumat bagi mencetuskan idea mengenai kaedah dan teori baru dalam pengurusan sumber semulajadi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Kassim Md. Mansur berkata, antara isu sosial dan persekitaran yang akan dibincangkan adalah penerokaan atau penyalahgunaan sumber alam dan kesan-kesannya terhadap masyarakat, ekonomi dan politik dunia.

"Jadi, saya berharap simposium ini akan mencapai matlamat seterusnya dapat menghasilkan banyak idea-idea

baru," katanya, di sini hari ini.

Kassim berkata, simposium yang diadakan setiap tahun itu merupakan acara tahunan di bawah Persatuan Antarabangsa Masyarakat dan Sumber Daya Alam (IASNR) yang berpusat di Amerika Syarikat (AS).

Katanya, ISSRM 2011 bakal menyaksikan kehadiran pengurus-pengurus sumber alam terkemuka dari AS, Eropah, Australia dan Asia.

Dalam pada itu, katanya, pemilihan Sabah sebagai tuan rumah amat tepat memandangkan negeri ini masih mempunyai alam semulajadi yang terpelihara.

"Sekali gus ia juga mampu memberi contoh terbaik Sabah dalam mengurus dan memanfaatkan sumber alam secara berhemah.

"Selain itu, kemajuan dan kekuatan UMS dalam bidang penyelidikan ilmu sosial khususnya berkaitan sumber alam dan persekitaran turut membawa kepada pemilihan Sabah sebagai tuan rumah simposium berprestij ini," katanya.



PENGERUSI ISSRM, Prof. Dr. Fadzilah Cooke (kiri) beramah-mesra dengan sebahagian peserta simposium di Kota Kinabalu, semalam.